

Pakaian kebangsaan kekalkan imej negara

KUALA LUMPUR, Rabu — Isteri Perdana Menteri, Datuk Paduka Datin Seri Dr Siti Hasmah, hari ini menerangkan, mereka yang mengikuti rombongan Perdana Menteri keluar negeri dikehendaki memakai pakaian kebangsaan.

Ini diterangkan oleh beliau ketika berceramah dalam majlis perbincangan Puan Mengenal Pakaian Kebangsaan dan Cara-Cara Memilih Pakaian Kebangsaan Untuk Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi di Dalam dan Luar Negeri di Intan di sini petang ini. Seramai 100 orang isteri pegawai kerajaan hadir dalam perbincangan ini.

Beliau juga mengingatkan isteri para pegawai kanan kerajaan dan isteri para berkhidmat agar sentiasa berpakaian sopan dan mengekalkan keperwalian dan negara ini. Menurut beliau, cara berpakaian dan jenis pakaian yang dipakai memudahkan penduduk negara ini dikenali di luar negeri.

"Kita juga dapat mengekalkan imej diri dan negara ketika berada di luar negeri dengan memakai pakaian kebangsaan negara ini," jelas beliau.

Seorang lagi penceramah di majlis itu ialah isteri Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Datin Razimah Zakaria, yang memberi ceramah mengenai cara-cara memilih pakaian di majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi di luar negeri dan cara-cara memilih pakaian mengikut musim.

Menurut beliau, pakaian-pakaian kebangsaan negara ini yang mempunyai ciri-ciri kemelayuan seperti baju kurung dan kebaya adalah pakaian yang paling sesuai dipakai di sebarang majlis rasmi atau tidak rasmi di luar negeri.

Bagaimanapun, pakaian yang menunjukkan ciri-ciri keturunan seperti cheong sam dan sarung tidak sesuai kerana isteri-isteri perwakilan dari

negara India, Hong Kong atau China memakai pakaian yang serupa.

Beliau juga memasalahkan isteri-isteri pegawai kanan kerajaan sekiranya mereka memakai pakaian barat, pakaian itu mestilah sesuai dengan keadaan, masa, tempat dan musim.

Penceramah terakhir, Puan Azah Aziz, menyeru para isteri berkenaan agar memberi kesetiaan kepada pakaian kebangsaan ketika menghadiri sebarang majlis sama ada rasmi atau tidak rasmi.

Beliau turut menunjukkan beberapa contoh pakaian kebangsaan negara ini seperti kurung teluk belanga, kurung Riau-Pahang, kebaya labuh, kebaya panjang, songket dan lain-lain.



Puan Azah Aziz sedang menunjukkan baju kurung cekak musang yang menjadi salah satu pakaian kebangsaan di negara ini sambil diperhatikan oleh Datuk Paduka Datin Seri Dr Siti Hasmah dan Pengerusi Majlis, Puan Sri Asiah Mon.



PATUNG-PATUNG wanita berpakaian kebangsaan yang ditunjukkan dalam ceramah berkenaan yang diadakan di Intan. — Gambar Berita Harian.